

Peserta peniaga dari rumah bersemangat luaskan bisnes



Foto-foto M.O. SALLEH

“Kami sudah dua tahun mengikat kontrak dengan sebuah gereja setempat untuk membekalkan makanan Melayu dan rancangan saya ialah meluaskan pelanggan kami pada masa depan.”

– Cik Hasnah Ahmad (kiri), ibu enam anak.



▶ ATIYYAH MOHD SAID atiyyahm@sph.com.sg

SEMASA menjadi seorang kerani di sebuah sekolah dahulu, Cik Hasnah Ahmad selalu menjual makanan masakannya kepada guru-guru yang tidak menggemari makanan di kantin.

Pujian yang diberikan guru-guru itu menjadi pendorong kepada ibu enam anak itu menjalankan perniagaan dari rumah bagi membantu menambah pendapatan suaminya.

Cik Hasnah, 47 tahun, kemudian meluaskan produk yang ditawarkannya, daripada lauk-pauk Melayu kepada kek-kek tradisional.

Tetapi apabila perniagannya semakin mencabar, Cik Hasnah memutuskan menyertai Program Perniagaan Mikro kelolaan Angkatan Karyawan Islam (AMP) dengan kerjasama Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana di bawah Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (Pusat SME@DPPMS) pada awal tahun ini.

Keputusan yang serupa turut dibuat oleh Cik Rohani Abd Rahim, 48 tahun, yang mengharungi banyak cabaran kewangan selepas rumah tangganya retak.

Beliau yang bekerja sepenuh masa sebagai penolong tukang masak, ingin mencari cara bagi menambah pendapatannya untuk menyara pendidikan tiga anaknya.

Berbekalkan pengalaman membantu

bekas ibu mentuanya di sebuah kantin, Cik Rohani yang berasal dari Malaysia, melihat perniagaan sebagai cara terbaik bagi meraih pendapatan tambahan.

Beliau lantas menyertai program tersebut bagi mendalami ilmu perniagaan.

Selepas menjalani program itu selama tujuh bulan, kedua-dua Cik Hasnah dan Cik Rohani menunjukkan potensi dalam perniagaan dari rumah mereka.

Ini lantas membolehkan mereka menerima geran modal bernilai \$1,000 seorang daripada AMP.

“Program ini memang membuka mata kerana saya tidak pernah keluar dari rumah dan berkenalan dengan ibu-ibu seperti saya,” kongsi Cik Hasnah.

Beliau juga kini sedang belajar memandu bagi memudahkannya melakukan penghantaran.

“Kami sudah dua tahun mengikat kontrak dengan sebuah gereja setempat untuk membekalkan makanan Melayu, dan rancangan saya ialah meluaskan pelanggan kami pada masa depan,” tambahnya.

Sementara itu, Cik Rohani yang berniaga kuih-muih dan lauk-pauk Melayu, menyasarkan masa tiga tahun lagi bagi menjalankan perniagaan sepenuh masa.

“Saya merancang, setelah anak saya yang lulus dalam bidang pengurusan perniagaan dan selesai Perkhidmatan Negara, kami sekeluarga akan memikirkan cara mengembangkan perniagaan ini,” katanya yang meraih pendapatan sekitar \$2,000 semasa musim Raya lalu.

“Saya merancang, setelah anak saya yang lulus dalam bidang pengurusan perniagaan dan selesai Perkhidmatan Negara, kami sekeluarga akan memikirkan cara mengembangkan perniagaan ini.”

– Cik Rohani Abd Rahim (atas), ibu tunggal tiga anak.